

Banyakkan buat kerja amal – Abdullah

UM - 21/1/2007

KUALA LUMPUR 20 Jan. – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, umat Islam perlu memperbanyakkan kerja-kerja amal sama ada dalam bentuk kewangan atau tenaga bagi menjamin kehidupan yang lebih bererti di dunia dan akhirat.

Menurut beliau, untuk menayakan kerja-kerja amal bukan sekadar menghulurkan wang tetapi boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk sama ada meluangkan masa, menyumbangkan tenaga dan idea serta mewakafkan harta.

Selain itu, katanya, mendidik dan memimpin golongan yang memerlukan juga adalah salah satu pendekatan yang boleh dikatakan sebagai beramal.

“Beri masa, beri tenaga, beri idea, beri wang, mewakafkan harta, mendidik dan memimpin adalah kerja-kerja amal. Sebenarnya sesiapa sahaja boleh melakukan amal, sama ada orang itu mempunyai wang atau tidak, yang penting kita laksanakan dengan ikhlas.

“Beramal dan melabur untuk akhirat adalah tanda terima kasih kita kepada Allah setelah nikmat yang melimpah-ruah diberi sama ada dari segi kekayaan, bergaji besar dan kekuatan badan.

“Sehubungan itu, fikirkan dan lakukan lebih banyak lagi kerja-kerja amal yang dapat dimajukan untuk golongan memerlukan kerana kita hidup bukan sahaja untuk dunia tetapi akhirat juga,” katanya.

Beliau berucap pada majlis penyampaian Skim Tabungan (Pendidikan) Anak Yatim Parlimen Titiwangsa dan Masjid Berkembar,

Masjid Al-Jamiul Badawi Kepala Batas-Masjid Jamek Kampung Baru Kuala Lumpur di sini hari ini.

Skim Bantuan Pendidikan Anak Yatim itu diperkenalkan untuk membantu membiayai anak yatim di kalangan kariah masjid di kawasan Parlimen Titiwangsa dan Masjid Berkembar Al-Jamiul Badawi Kepala Batas Pulau Pinang dengan Masjid Jamek Kampung Baru Kuala Lumpur.

Melalui skim itu, anak yatim berkenaan akan mendapat perlindungan dan jaminan pembelajaran yang berterusan sehingga usia 21 tahun.

Seramai 372 orang anak yatim kawasan Parlimen Titiwangsa dan kedua-dua masjid itu yang berumur 15 tahun menerima polisi skim itu hari ini.

Dana untuk menjayakan skim itu diperoleh daripada Kumpulan AMONA dan Ahli Parlimen Titiwangsa.

Turut hadir ialah Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Astaman Abdul Aziz dan Pengerusi Masjid Jamek Kampung Baru, Datuk Aziz Jamaluddin Muhd. Tahir.

Abdullah berkata, skim tabungan pendidikan anak yatim yang disampaikan hari ini adalah salah satu kerja amal yang terbaik.

“Ini adalah satu tindakan yang positif dalam menunjukkan perasaan kasih sayang kepada anak-anak yatim.

“Kita perlu faham bahawa anak yatim adalah sebahagian modal insan umat Islam yang tidak boleh dibiarkan tetapi sebaliknya mesti dibawa bersama untuk diberi pendidikan dan dibesarkan sebagai anggota masyarakat yang mampu

nyai ilmu pengetahuan.

“Insya-Allah mereka (anak yatim) dapat membantu masyarakat apabila dewasa hasil bantuan tabung pendidikan anak yatim tersebut,” katanya.

Dalam pada itu, Abdullah juga menyeru umat Islam supaya berusaha mengembalikan zaman kegemilangan Islam supaya umatnya setanding dengan bangsa lain di

dunia dalam semua bidang.

“Banyak keagungan umat Islam pada zaman dahulu dalam bidang sains dan teknologi telah mendahului zaman. Merekalah peneroka dan penyelidik terhebat malah semua ilmu yang dihasilkan oleh Barat berasal daripada mereka.

“Ini terbukti melalui Pameran Kegemilangan Sains Dalam Tamadun Islam yang sedang diadakan di

Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC),” jelasnya.

Abdullah berharap umat Islam bersyukur dan bangga kerana umat terdahulu telah menunjukkan arah pembangunan dan tamadun bangsa pada masa ini.

“Inilah falsafah di sebalik Islam Hadhari, kita mahu umat Islam maju di dunia dan bahagia di akhirat,” ujarnya.